

**MESYUARAT KEEMPAT (BELANJAWAN 2024)  
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEDUA  
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KELIMA BELAS  
PADA HARI ISNIN, 27 NOVEMBER 2023, JAM 9.30 PAGI**

**SUSUNAN PERKARA-PERKARA MESYUARAT**

- 1. DOA**
- 2. PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERTHORMAT SPEAKER DEWAN NEGERI JOHOR**
- 3. SOALAN LISAN -**

**YB DATUK MOHAMAD NAJIB BIN SAMURI (PARIT YAANI)  
SOALAN 1 (A165)**

Adakah Kerajaan Negeri Johor merancang untuk menambah lagi Taska Jauhar Childcare Center (JCC) yang dikelolakan oleh Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Takzim lebih dari satu bagi setiap daerah. Ianya dilihat dapat membantu meringankan beban golongan B40 khususnya.

**YB PUAN MARINA BINTI IBRAHIM (SKUDAI)  
SOALAN 2 (A4)**

Pengaruh-pengaruh negatif makin membimbangkan dan adakalanya ia sukar di kawal ibu bapa. Apakah usaha yang telah dirangka kerajaan negeri dalam membantu menangani kejatuhan moral di kalangan belia?

**YB DATO' JEFRIDIN BIN ATAN (KUKUP)  
SOALAN 3 (A10)**

Bilakah Taman Negara Pulau Kukup akan beroperasi sepenuhnya kepada orang awam serta apakah langkah-langkah yang diambil kerajaan negeri untuk menarik pelancong dalam dan luar negeri ke Taman Negara Tanjung Piai dan Pulau Kukup?

**YB PUAN HAJAH ALWIYAH BINTI TALIB (ENDAU)  
SOALAN 4 (A25)**

Adakah kerajaan bersedia untuk membina Rumah Mampu Milik Johor di kawasan Tenglu, Endau memandangkan tanah tersebut telah disediakan untuk projek itu?

**YB DATO' ZULKURNAIN BIN HAJI KAMISAN (SRI MEDAN)**  
**SOALAN 5 (A194)**

Apakah perancangan yang akan dilaksanakan di negeri Johor melalui projek Point Of Presence (POP) Fasa 2 yang telah diperuntukan oleh Kementerian Komunikasi Dan Digital Malaysia?

**YB TUAN HAHASRIN BIN HASHIM (PANTI)**  
**SOALAN 6 (A180)**

Mohon senaraikan pecahan peruntukan yang diberi kepada setiap sekolah agama di Johor pada setiap tahun.

**YB TUAN WONG BOR YANG (SENAI)**  
**SOALAN 7 (A153)**

Sila nyatakan perancangan kerajaan untuk menyelesaikan masalah bekalan elektrik dan bekalan air yang bakal tidak mencukupi susulan Johor berazam untuk menjadi hab pusat data terbesar di Malaysia.

**YB TUAN SAHRIHAN BIN JANI (GAMBIR)**  
**SOALAN 8 (A65)**

Apakah usaha-usaha kerajaan negeri dalam meningkatkan pengeluaran industri sawah padi di negeri Johor, terutamanya di dalam Daerah Tangkak.

**YB TUAN HAJI ABDUL AZIZ BIN TALIB (MAHARANI)**  
**SOALAN 9 (A88)**

Nyatakan jumlah keseluruhan pengeluaran padi dalam setahun di negeri Johor dan apakah usaha kerajaan untuk menambah baik hasil pengeluaran padi bagi menjamin bekalan makanan mencukupi kepada rakyat negeri Johor?

**YB PUAN GAN PECK CHENG (PENGKARAM)**  
**SOALAN 10 (A196)**

Adakah kerajaan berhasrat untuk memperluas hasil tanaman padi sebagai mempertingkat inisiatif kerajaan di dalam keterjaminan makanan dan adakah kerajaan telah mengenal pasti kawasan-kawasan yang dikira bersesuaian untuk tanaman padi serta insentif yang disediakan kepada para petani?

**YB TUAN HAJI BAHARUDIN BIN MOHAMED TAIB (PERMAS)**  
**SOALAN 11 (A142)**

Keterjaminan makanan menjadi isu global. Apakah Kerajaan Negeri Johor akan melaksanakan penanaman padi sepertimana kenyataan YAB Menteri Besar Johor pada 23 September 2023?

**YB PUAN HAJAH HASRUNIZAH BINTI HASSAN (PULAI SEBATANG)**  
**SOALAN 12 (A20)**

Apakah perancangan kerajaan negeri bagi menangani isu kekurangan makanan terutamanya beras pada masa-masa akan datang?

**YB TUAN IR. TS. HAJI NAZRI BIN ABDUL RAHMAN (SIMPANG JERAM)**  
**SOALAN 13 (A60)**

Langkah kerajaan menawarkan tanah bagi tujuan memperluaskan kawasan penanaman padi adalah suatu cadangan yang baik. Walau bagaimanapun apakah meknisma penawaran penggunaan tanahnya dan jaminan gunatanah ini terus diperlihatkan.

**YB DATO' JEFRIDIN BIN ATAN (KUKUP)**  
**SOALAN 14 (A9)**

Apakah status terkini Tropicana Industrial Park serta industri apakah yang akan dijalankan di sana serta kesan yang akan dialami penduduk sekitar di kawasan tersebut.

**YB PUAN RASHIDAH BINTI ISMAIL (PASIR RAJA)**  
**SOALAN 15 (A71)**

Memandangkan kepadatan penduduk yang semakin meningkat di Daerah Kota Tinggi dan keperluan perubatan yang juga semakin tinggi, adakah kerajaan negeri bercadang untuk membina sebuah hospital daerah yang baru bagi menampung kepadatan pesakit yang ada di Hospital Kota Tinggi dan sekitarnya?

**YB DATO' HAJAH SHARIFAH AZIZAH BINTI DATO' SYED ZAIN (MAHKOTA)**  
**SOALAN 16 (A175)**

Nyatakan tindakan, strategi, serta merangka satu dasar bagi menyelia bangunan-bangunan perniagaan persendirian lama yang terbiar sejajar dengan program Johor Bersih. Mohon kerajaan negeri nyatakan tindakan, strategi, serta merangka satu dasar bagi menyelia bangunan-bangunan tersebut.

**YB TUAN EE CHIN LI (TANGKAK)**  
**SOALAN 17 (A40)**

Sila nyatakan jumlah penggantian paip air lama jenis AC yang telah dilakukan dari 1 Januari 2023 sehingga kini mengikut tarikh kerja, daerah dan kepanjangan.

**YB PUAN NG KOR SIM (JEMENTAH)**  
**SOALAN 18 (A32)**

Apakah status permohonan pemindahan klinik kesihatan Jementah? Dijangka dalam masa 5 tahun, klinik tersebut tidak mampu menampung bilangan penduduk yang semakin meningkat.

**YB DATO' ZULKURNAIN BIN HAJI KAMISAN (SRI MEDAN)**  
**SOALAN 19 (A193)**

Apakah bantuan-bantuan pendidikan yang ditawarkan oleh kerajaan Negeri Johor melalui Yayasan Pelajaran Johor bagi anak-anak negeri Johor?

**YB CIK AMIRA AISYA BINTI ABD. AZIZ (PUTERI WANGSA)**  
**SOALAN 20 (A213)**

Adakah Kerajaan Negeri Johor akan merancang inisiatif untuk menggalakkan pemerkaasaan wanita, terutamanya dalam merangsang pembangunan keusahawanan wanita dan memberikan sokongan kepada perniagaan milik wanita?

**YB DATO' JEFRIDIN BIN ATAN (KUKUP)**  
**SOALAN 21 (A8)**

Adakah kerajaan negeri bercadang untuk membina mercu tanda serta memberi nama Jambatan Sungai Pulai yang telah dibuka rasmi oleh YAB Menteri Besar Johor pada 19 Januari 2023 yang lalu.

**YB TUAN CHIONG SEN SERN (BUKIT BATU)**  
**SOALAN 22 (A121)**

Adakah kerajaan negeri Johor berhasrat untuk memperkenalkan inisiatif "1 DUN, 1 PPR" untuk menggalakkan lebih banyak rumah PPR dibina untuk membantu rakyat yang berpendapatan rendah memiliki rumah kos rendah yang berkualiti dibawah ihsan Kerajaan Negeri Johor?

**YB TUAN SAHRIHAN BIN JANI (GAMBIR)**  
**SOALAN 23 (A68)**

Fasiliti sukan di Daerah Tangkak khususnya di DUN Gambir jauh terkebelakang berbanding dengan daerah lain. Apakah perancangan kerajaan Johor untuk meningkatkan kemudahan sukan di DUN Gambir. Mini stadium telah diluluskan pada tahun 2018 tetapi dibatalkan oleh kerajaan terdahulu.

**YB PUAN MARINA BINTI IBRAHIM (SKUDAI)**  
**SOALAN 24 (A3)**

Sejauh mana Enakmen Yayasan Warisan Negeri 1988 berjaya menyelamatkan warisan sejarah di Johor seperti tapak-tapak sejarah, bangunan bersejarah ataupun kesenian di negeri Johor?

**YB DATUK HAJI MOHD. FUAD BIN TUKIRIN (BUKIT NANING)**  
**SOALAN 25 (A105)**

Dalam situasi ekonomi tidak menentu dan kebolehpasaran graduan disektor pekerjaan yang terhad timbul keresahan dan dilema terhadap pelajar lepasan SPM sama ada ingin menyambung pelajaran atau sebaliknya dan ketika memilih jurusan dipohon. Apakah langkah kerajaan membantu golongan ini?

**YB TUAN CHIONG SEN SERN (BUKIT BATU)**  
**SOALAN 26 (A125)**

Nyatakan bagaimana peruntukan sejumlah RM1.2 juta bagi Program Pertanian Komuniti telah digunapakai untuk meningkatkan pendapatan dan meringankan kos sara hidup dalam komuniti setempat.

**YB CIK AMIRA AISYA BINTI ABD. AZIZ (PUTERI WANGSA)**  
**SOALAN 27 (A211)**

Apakah perkembangan terkini dari Jabatan Pengairan dan Saliran bersama Kerajaan Negeri Johor untuk mengatasi isu banjir di Kampung Maju Jaya dan Kampung Paya Kenangan yang kerap dinaiki air ketika musim tengkujuh dan pertukaran monsun?

**YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)**  
**SOALAN 28 (A55)**

Nyatakah jumlah bilangan ambulans yang sedia ada di setiap hospital dan klinik kesihatan negeri Johor?

**YB TUAN SAHRIHAN BIN JANI (GAMBIR)**  
**SOALAN 29 (A70)**

14 sungai Johor dikategorikan sebagai kualiti air paling tercemar. Apakah langkah-langkah yang akan diambil bagi mengatasi isu ini.

**YB PUAN NG KOR SIM (JEMENTAH)**  
**SOALAN 30 (A33)**

Apakah rancangan kerajaan bagi mengatasi masalah kesesakan jalan di persimpangan Jalan Segamat - Muar dalam jangka masa yang pendek ini?

**YB TUAN WONG BOR YANG (SENAI)**  
**SOALAN 31 (A154)**

Sila nyatakan inisiatif kerajaan dalam membangunkan bidang eko-pelancongan, dan bagaimana membantu pengusaha-pengusaha untuk mendapatkan permit Pihak Berkuasa Tempatan memandangkan perniagaan tersebut adalah di atas tanah syarat pertanian?

**YB DATO' IR. HASNI BIN MOHAMMAD (BENUT)**  
**SOALAN 32 (A138)**

Minta dinyatakan perkembangan terkini bagi Negeri Johor berkaitan pelaburan dalam Sektor Tenaga Boleh Baharu dan cabaran kepada Negeri Johor bagi menjayakannya.

**YB TUAN SAHRIHAN BIN JANI (GAMBIR)**  
**SOALAN 33 (A69)**

Masalah pelajar tercicir dalam sistem pendidikan terutama di peringkat sekolah menengah merupakan satu isu yang perlu ditangani. Apakah SOP kerajaan negeri dalam menyelesaikan isu ini.

**YB TUAN HAJI SELAMAT BIN TAKIM (SUNGAI BALANG)**  
**SOALAN 34 (A144)**

Krisis ketiadaan bekalan beras tempatan di kedai dan pasaraya yang berlaku kini amat memberi kesan kepada rakyat B40 dalam menjalani kehidupan. Justeru apakah pelan mitigasi kerajaan bagi memastikan krisis ketiadaan bekalan beras tempatan ini tidak berterusan?

**YB TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP (PEMANIS)**  
**SOALAN 35 (A14)**

Apakah usaha kerajaan bagi mengatasi masalah kekurangan bekalan beras di dalam negeri Johor? Adakah kerajaan negeri mempunyai 'Stockpile' atau simpanan stok bagi bekalan beras apabila berlakunya isu ketiadaan bekalan beras di pasaran dan jika ada, berapakah jumlahnya?

**YB CIK AMIRA AISYA BINTI ABD. AZIZ (PUTERI WANGSA)**  
**SOALAN 36 (A212)**

Apakah inisiatif Kerajaan Negeri Johor dan kerjasama bersama Kementerian Belia dan Sukan untuk menaik taraf gelanggang futsal di kawasan Puteri Wangsa, terutamanya di Jalan Mutiara Emas 2 yang perlu penambahbaikan pagar?

**YB DATO' IR. HASNI BIN MOHAMMAD (BENUT)**  
**SOALAN 37 (A140)**

Minta dinyatakan perancangan kerajaan negeri yang sedang dan akan di ambil dalam usaha meningkatkan hasil baru kerajaan negeri.

**YB PUAN GAN PECK CHENG (PENGKARAM)**  
**SOALAN 38 (A198)**

Apakah status terkini rancangan 'Second Port' Batu Pahat dan adakah kerajaan berhasrat melaksanakan rancangan tersebut dalam waktu terdekat ini bagi menyepadukan operasi barter-trade di satu kawasan serta dapat menempatkan semula jeti kastam yang kini terletak di bandar Batu Pahat?

**YB TUAN CHEW CHONG SIN (MENGKIBOL)**  
**SOALAN 39 (A203)**

Special Economic Zone dan Special Financial Zone akan menjadi pemangkin kepada ekonomi. Apakah dasar-dasar yang dibuat untuk menggalakkan ekonomi di zon ini?

**YB TUAN LIEW CHIN TONG (PERLING)**  
**SOALAN 40 (A132)**

Nyatakan inisiatif yang diambil oleh kerajaan negeri untuk memastikan kejayaan zon ekonomi khas (SEZ) Johor-Singapura.

**YB PUAN FAUZIAH BINTI MISRI (PENAWAR)**  
**SOALAN 41 (A78)**

Apakah perancangan dan persediaan kerajaan negeri dalam menghadapi negara tua menjelang 2030. Malaysia dijangka menjadi negara tua pada tahun 2030 apabila penduduk negara ini merangkumi warganegara yang berusia lebih 60 tahun dalam pola 15.3 peratus daripada jumlah penduduk negara.

**YB TUAN AZNAN BIN TAMIN (TANJUNG SURAT)**  
**SOALAN 42 (A160)**

Usaha kerajaan negeri untuk merangka kerjasama ekonomi dalam kawasan Pertumbuhan Segitiga Singapura-Johor-Riau (SIJORI) dan apakah usaha untuk menjadikan Kawasan Tanjung Surat sebagai salah satu destinasi pelancongan utama dalam kawasan segitiga SIJORI ini.

**4. SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN BACAAN KALI YANG KEDUA BAGI RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN (2024) TAHUN 2023**

-----  
-----  
----- ( BAHASAN YB BACK-BENCHERS ) -----  
-----  
-----

**Persidangan ditangguhkan sehingga hari Selasa, 28 November 2023, jam 9:30 pagi.**